

# Imbangi Kemahiran Insaniah dan Akademik : Naib Canselor

Published: Tuesday, 09 June 2015 15:38 | [Print](#) | Hits: 1052

Share 22

Recommend

Share 22

Tweet

Share

G+ Share 0



**SELASA, 09 JUN** – Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) diseru agar mengimbangi ilmu kemahiran insaniah dan aktiviti kemahasiswaan selain pembelajaran dalam bilik kuliah.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata elemen tersebut harus ditanam dalam diri siswa siswi sebagai persediaan berdepan persaingan untuk mendapatkan pekerjaan pada masa

akan datang.

“Ini kerana persaingan sengit dalam dunia pekerjaan pada hari ini menuntut agar semua mahasiswa bersikap kompetitif dan berdaya saing,” ujar beliau ketika merasmikan Majlis Anugerah Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (MAHEPA), baru-baru ini.

Pada majlis itu, sebanyak 17 anugerah kategori berkumpulan dan individu dipertandingkan dengan menyaksikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah UMS mengungguli tiga anugerah dalam kategori berkumpulan iaitu Anugerah Penganjuran Program Kemahasiswaan Terbaik, Anugerah Pengurusan Organisasi Mahasiswa Terbaik, dan Anugerah Pasukan Emas.

Dua anugerah berkaitan kolej kediaman iaitu Anugerah Pengurusan Jawatankuasa Mahasiswa (JAKMAS) Terbaik disandang Kolej Kediaman Tun Mustapha manakala Anugerah Kolej Kediaman *EcoCampus* dimenangi Kolej Kediaman Lestari Kampus Sandakan.

Tiga lagi anugerah iaitu Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif Terbaik, Kumpulan Kesenian dan Kebudayaan Terbaik serta Kumpulan Kesukarelawan Aktif Terbaik masing-masing dimenangi Smart Car UMS, Kelab Taming Mas daripada Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan alumni Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) UMS.

Bagi kategori individu pula menyaksikan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Mohd Al-Farid Abraham mendahului senarai penerima dengan menerima Anugerah Pemimpin Mahasiswa Cemerlang.

Turut hadir, Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Datuk Dr. Haji Mohd Kassim Haji Mohd Ibrahim dan Datuk Pengiran Hj. Mohd. Hussein Datuk Pengiran Hj. Mohd. Tahir Nasruddin serta Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Madya Dr. Ismail Ali. –ZMD

## Penerima Anugerah Kategori Individu

Anugerah Pemimpin Kolej Kediaman Cemerlang: Norsila Samsudin

Anugerah Pemimpin Persatuan Fakulti Cemerlang: Goh Vin Soon

Anugerah Pemimpin Sukarelawan Cemerlang: Mohd Noor Ain Wagen

Anugerah Pemimpin Harapan: Asmah Kadir  
Anugerah Olahragawan: El Said Abdel Aziz  
Anugerah Olahragawati: Shirley Ling Shio Ling  
Anugerah Khas Sukan: Abner Moilie  
Anugerah khas HEPA Pelajar : Wong Tyan Tzu  
Anugerah Khas HEPA Pengetua Cemerlang: Prof Madya Dr Andika Aziz Husin  
Anugerah Khas HEPA Jabatan/ Pusat Terbaik HEPA: Pusat Sukan UMS

Sumber: HEPA

Foto: Musaab Umair, Bahagian Perhubungan Korporat